

04 NOV 1996

G15-Abdullah

G-15 TOLAK UNDANG-UNDANG LUAR WILAYAH MANA-MANA NEGARA, KATA ABDULLAH

Oleh: Kuah Goon Oo

HARARE, 4 Nov (Bernama) -- Kumpulan 15 negara membangun (G-15) menolak tindakan sendirian mana-mana negara untuk menggubal undang-undang luar wilayah yang perlu dipatuhi oleh semua negara dan perusahaan mereka, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Mereka menolak perkara itu semasa sidang pleno sidang kemuncak keenam G-15 yang bermula semalam, katanya semasa memberi taklimat kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Katanya para pemimpin kumpulan itu akan terus membincangkan isu penting itu semasa perentian mereka di Air terjun Victoria lewat hari ini.

Sidang kemuncak tiga hari itu dihadiri oleh tujuh ketua negara/kerajaan, dua naib presiden, tiga menteri luar dan tiga duta.

Mereka ialah Perdana Menteri Ahmed Ouyahia (Algeria), Naib Presiden Dr Carlos Ruckauf (Argentina), Naib Presiden Marco Marciel (Brazil), Duta Jorge Berguno (Chile), Presiden Hosni Mubarak (Mesir), Perdana Menteri Deve Gowda (India), Menteri Luar Ali Alatas (Indonesia), Perdana Menteri P. Patterson (Jamaica), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Luar Jose Gurria (Mexico), Menteri T. Ikimi (Nigeria), Duta J. Meier (Peru), Perdana Menteri Habib Thiam (Senegal), Utusan Khas Werner Corrales (Venezuela) dan Presiden Robert Mugabe (Zimbabwe).

Abdullah berkata para pemimpin berpendapat bahawa sidang kemuncak itu memperakui yang kumpulan itu ada kaitannya dan ia telah bertindak sebagai pemangkin bagi kerjasama Selatan-Selatan.

Projek-projek yang dilancarkan oleh G-15 berjaya memupuk kerjasama dua hala dan pelbagai hala. Dalam hubungan ini mereka berharap kumpulan itu akan terus memainkan peranan membantu negara membangun yang lain memandangkan mereka mempunyai keupayaan, teknologi dan sumber untuk berbuat demikian.

Para pemimpin itu merasakan bahawa negara-negara Selatan tidak harus bergantung semata-mata terhadap negara maju membantu mereka. Mereka sebaliknya harus mengumpulkan sumber-sumber dan usaha membantu negara membangun yang lain.

Katanya para pemimpin itu juga membincangkan mengenai Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan mesyuarat peringkat menteri-menteri WTO akan datang dengan berkata mereka harus bersedia menangani sebarang isu yang akan dibangkitkan oleh negara-negara maju.

Para pemimpin itu juga bersetuju bahawa G-15 harus mengadakan mesyuarat peringkat menteri-menteri mereka bagi menyelaraskan pendirian mereka sebelum mesyuarat WTO di Singapura bulan depan.

Abdullah berkata para pemimpin itu antara lain akan membuat keputusan mengenai pengerusi baru kumpulan itu selepas Malaysia semasa perentian satu malam mereka di Air terjun Victoria. Pilihan mereka ialah antara Mexico dan Jamaica.

Malaysia bersetuju mengambil alih pengerusi daripada Zimbabwe memandangkan Indonesia akan mengambil alih jawatan pengerusi itu daripada Malaysia semasa tiba giliran Kuala Lumpur berbuata demikian.

Abdullah berkata para pemimpin itu juga akan membuat keputusan mengenai keanggotaan baru pertubuhan yang berusia enam tahun itu dan kekerapan sidang kemuncak yang merupakan acara tahunan buat masa ini. -- BERNAMA

KGO RON